

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Surat Kredit-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini. Dapatkan penjelasan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma amnya.</p>	<p>BANK RAKYAT SURAT KREDIT-i (LC-i)</p> <p>Pakej: _____</p> <p>Tarikh: _____</p>										
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?</p>											
<p>Surat Kredit-i (LC-i) ialah akujanji bertulis yang dikeluarkan oleh bank, diberikan kepada pengeksport / penjual (benefisiari) di atas permintaan dan arahan pengimport / pembeli (pemohon), untuk membayar sejumlah wang yang dinyatakan, ketika penyerahan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan dengan mematuhi segala terma dan syarat di dalam Surat Kredit-i (LC-i) atau pada tarikh ke hadapan dalam had masa yang ditetapkan.</p>											
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p>											
<p>Surat Kredit-i (LC-i) adalah di bawah prinsip Syariah Wakalah bil Ujrah di mana satu rangkaian agensi dilantik oleh satu pihak untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak lain dengan pembayaran sesuatu perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Bank dilantik oleh pelanggan sebagai ejen untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu di bawah sesuatu kemudahan (cth: Surat Kredit-i, pengendalian dokumen dan pembayaran) bagi pihak mereka.</p>											
<p>3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?</p>											
<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan urusan perniagaan dengan pengeksport memandangkan keseluruhan transaksi akan disalurkan melalui dan diuruskan oleh pihak bank. • Menyediakan perantaraan bagi kedua-dua pihak untuk bersetuju dengan terma-terma dagangan dan pengaturan pembayaran yang cekap. • Membolehkan pelanggan memenuhi keperluan kontrak jualan dengan daya pengaruh untuk melakukan tawar-menawar terma yang lebih berfaedah daripada pengeksport/penjual. 											
<p>4. Apakah tanggungjawab saya?</p>											
<p>Pelanggan hendaklah membuat bayaran kepada benefisiari apabila dokumen yang diterima mematuhi segala terma dan syarat Surat Kredit-i.</p>											
<p>5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?</p>											
<p>Semua kos dan caj yang berkaitan dengan kemudahan ini adalah ditanggung oleh pelanggan (tertakluk kepada terma dan syarat Surat Kredit-i (LC-i))</p>											
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #f4a460;"> <th style="text-align: center;">Jenis Fi/Caj</th> <th style="text-align: center;">Kadar/Kos</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Pengeluaran</td> <td style="padding: 5px;">0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pindaan</td> <td style="padding: 5px;"><i>Peningkatan nilai dan / atau pelanjutan tarikh tamat tempoh:</i> 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran <i>Lain-lain:</i> RM50 kadar rata</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Usans/Penerimaan</td> <td style="padding: 5px;">0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya dari tarikh tamat tempoh LC-i hingga tarikh tamat tempoh usans (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pembatalan (sebelum</td> <td style="padding: 5px;">RM50</td> </tr> </tbody> </table>		Jenis Fi/Caj	Kadar/Kos	Pengeluaran	0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran	Pindaan	<i>Peningkatan nilai dan / atau pelanjutan tarikh tamat tempoh:</i> 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran <i>Lain-lain:</i> RM50 kadar rata	Usans/Penerimaan	0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya dari tarikh tamat tempoh LC-i hingga tarikh tamat tempoh usans (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran	Pembatalan (sebelum	RM50
Jenis Fi/Caj	Kadar/Kos										
Pengeluaran	0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran										
Pindaan	<i>Peningkatan nilai dan / atau pelanjutan tarikh tamat tempoh:</i> 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran <i>Lain-lain:</i> RM50 kadar rata										
Usans/Penerimaan	0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya dari tarikh tamat tempoh LC-i hingga tarikh tamat tempoh usans (min RM50) atau seperti di dalam Surat Tawaran										
Pembatalan (sebelum	RM50										

tarikh tamat tempoh LC-i)	
SWIFT	<i>Pengeluaran:</i> Tempatan RM50 Asing RM75 <i>Lain-lain:</i> RM25
RENTAS	RM5
Perbelanjaan Am (penghantaran)	Kos Sebenar

Formula untuk komisen : $C = P (r \times n)$

- C : Komisen yang perlu dibayar (sewaktu dikeluarkan dan/atau pindaan dilakukan)
 P : Nilai LC-i
 r : Kadar Komisen (seperti di dalam Surat Tawaran)
 n : Tempoh LC-i

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

- Apabila dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pengeksport / penjual diserahkan kepada pelanggan, pelanggan boleh memilih untuk membuat bayaran penuh atau memohon pembiayaan daripada Bank seperti yang ditawarkan di dalam Surat Tawaran. Bank mempunyai hak untuk menuntut bayaran penuh nilai invois dan mengambil tindakan undang-undang terhadap kegagalan menyelesaikan pembiayaan. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.
- Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Polisi Kargo Marin mengikut persetujuan di antara pembeli dan penjual (jika berkenaan).

8. Bagaimana jika saya ingin membatalkan LC-i sebelum tarikh matang?

Pembatalan hanya boleh dilakukan dengan persetujuan dari benefisiari melalui pengesahan oleh Bank Penerima.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

Pelanggan wajib membayar apabila menerima dokumen-dokumen daripada pengeksport / benefisiari yang tiada percanggahan dengan terma dan syarat di dalam Surat Kredit-i walaupun barang yang diterima di dalam keadaan rosak.

<p>10. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?</p> <p>Sila layari www.bankrakyat.com.my</p>	<p>Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:</p> <p>Jabatan Pembiayaan Perdagangan Level 28 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum) E-mel: trade@bankrakyat.com.my</p> <p>atau</p> <p>Bahagian Perbankan Perniagaan Level 26 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum)</p>	<p>Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:</p> <p>Biro Pengaduan Awam Khidmat Pelanggan, Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 Laman Web: www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback</p> <p>atau</p> <p>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato 'Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
<p>11. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan.</p>		
<ul style="list-style-type: none"> • Surat Kredit Eksport-i • Surat Kredit Eksport Pengesahan-i • Pungutan Bil Import-i • Pungutan Bil Eksport-i • Pembiayaan Bil Eksport-i • Pembiayaan Bil Kredit Eksport-i • Pembiayaan Perdagangan <i>Tawarruq</i> • Pembiayaan Modal Kerja <i>Murabahah</i> • Jaminan Perkapalan-i • Jaminan Bank-i 		
<p>NOTA PENTING:</p> <ul style="list-style-type: none"> • TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP. • HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DIBACA, DIFAHAMI, DITERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN. • PRODUK INI TELAH MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA SHARIAH PADA 25^{hb} JUN 2015 • MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI SAH PADA ATAU SEHINGGA _____. 		